

31/10/1997

Bursa kewangan dalam perspektif Islam

Abdurrahman Haqqi

PERTANYAAN menghentak jiwa Muslim yang boleh timbul selepas krisis 'Black Ninety Seven' yang melanda negara paling cergas dan aktif pertumbuhan ekonominya satu dua dekad ini adalah di mana suara institusi kewangan Islam dalam menghadapinya padahal mereka mendakwa bahawa mereka boleh menjadi penyelamat ekonomi konvensional daripada dominasi perilaku tidak Islamik ekonomi berasaskan riba?

Mereka mungkin boleh berhelah bahawa krisis itu tidak ada kaitan dengan institusi kewangan Islam kerana ia sememangnya tidak terbabit langsung dengannya. Tetapi, mereka tidak boleh menafikan bahawa mereka juga 'terkena' olehnya kerana ringgit dan dolar yang mereka guna dalam transaksi adalah ringgit dan dolar yang digunakan institusi kewangan konvensional.

Bagaimanapun, kita tidak akan menganalisis dan kemudian membuat kesimpulan bahawa institusi kewangan Islam masih di taraf 'pak turut' kepada institusi kewangan konvensional tetapi yang akan kita sentuh kali ini adalah institusi bursa khasnya kewangan dari kaca mata Islam.

Landasan perbincangan bursa kewangan dalam perspektif Islam tak akan terkeluar dari suatu kaedah ekonomi Islam yang diambil dari sebuah hadis yang berbunyi 'fa-inikhtalafatil-ajnasa fa bi'u kaifa syi'tum' atau 'jika jenis barangan itu berbeza bolehlah kamu memperjualbelikannya sesuka hatimu' (HR. Bukhari & Muslim).

Sewaktu menulis kajian berkenaan 'Futures Trading: Nature, Concept and Islamic Law', saya memperoleh banyak manfaat daripadanya antaranya perkataan 'bursa' berasal dari nama seorang penjaga rumah penginapan yang menjadi tempat berkumpul pedagang kemudian menjadi pusat perdagangan tempatan di Burges, Belgium pada abad ke 18. Dia bernama Van der Beurs. Bursa juga disebut 'bourse, boerse, beurs dan bolsa'. Selain di Amerika Syarikat dan Eropah, di Osaka dan Mesir juga telah ditubuhkan bursa beras dan kapas masing-masing pada tahun 1650 dan 1861.

Pada mulanya, bursa hanya terhad pada komoditi untuk menggalak produktiviti pasaran ekonomi demi kesejahteraan hidup masyarakat. Tetapi, bagaimana sal-muasal ceritanya, wangpun sekarang telah dibursakan. Masalahnya, jika nilai itu sendiri sudah diperjualbelikan apa lagi yang kita miliki untuk menilai? Bagaimana kita tidak menilai sesuatu dengan ukuran nilai yang pada masa yang sama ia juga dijadikan objek penilaian?

Maka, sememangnya masyarakat antarabangsa mesti mengkaji semula bursa matawang ini seperti yang diserukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membuat panduan yang jelas mengenainya agar tidak ada permainan daripada pihak-pihak tidak bertanggung jawab. Dr Mahathir tertanya-tanya mengenainya sambil menyifatkannya aktiviti tidak produktif dan tidak bermoral.

Walaupun cadangan ini mendapat reaksi berbeza daripada khalayak pelaku ekonomi yang jelas ia telah menjadi sejarah baru dan pemicu kesedaran masyarakat antarabangsa akan bahaya manipulasinya yang boleh mengakibatkan perekonomian sesebuah negara tergendala dan terbengkalai bahan runtuh.

Mungkinkah Protokol Pemimpin Zionis untuk menguasai dunia dengan mempermainkan ekonomi dunia khasnya mata wang akan terbukti? Apa yang sedang berlaku sekarang adalah bukti bahawa perekonomian dunia boleh diporak-porandakan oleh segelintir manusia tidak bertanggungjawab hanya dari bilik sempit tertutup.

Hadis di permulaan tulisan ini, seperti dikatakan di atas adalah tonggak

diperbolehkannya jual beli wang dan ulama bersepakat bahawa sarfk, istilah jual beli mata wang dalam fikah, diperlukan kerana ia adalah keperluan pasaran.

Tetapi, hukum harusnya tidak secara mutlak; walaupun hadis berkenan pada zahirnya mengisyaratkan kemutlakan 'maka perjualbelikanlah sesuka hatimu', kerana dalam melakukan transaksi pelakunya diwajibkan mematuhi hukum-hakam syaraknya atau dalam istilah moden aturan peraturan agar ia tidak terlepas daripada kawalan yang akan menyebabkan kekecohan pasaran matawang dan bencana ke atas masyarakat.

Persyaratan transaksi sarf yang ditetapkan Islam menerusi dalil-dalil hukumnya sangat ketat iaitu pemindahan hak milik sebelum berpisah; persamaan nilai; tak ada pilihan; dan tak ada penangguhan (Lihat az-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami, IV/636-47).

Ia diperlu dan dibolehkan syarak selepas mengambil kira hajat manusia terhadap transaksi sarf kerana seseorang mempunyai wang tetapi ia tidak boleh menggunakannya untuk memenuhi keperluannya kerana apa yang diperlukannya mesti didapati dengan wang yang lain maka diperbolehkanlah sarf sebagaimana ditetapkan syarak di sebalik setiap transaksi.

Nampaknya, pasaran mata wang sekarang tidak selari dengan semangat Syariah setidak-tidaknya daripada pandangan Islam dan juga dilihat oleh pemimpin Malaysia. Ia tidak lagi menjadi keperluan seluruh lapisan masyarakat kerana hanya dilakukan segelintir manusia di mana khalayak ramainya hanya tahu yang tadinya roti canai berharga 50 sen sekarang menjadi 80 sen dengan tidak mengerti sebab musababnya.

Perputaran harta yang hanya di sekitar orang tertentu dan dinikmati mereka saja sangat ditegah Islam. Al-Quran menjelaskan dengan mengambil iktibar hasil pampasan perang yang maksudnya: "Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, Rasulullah, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin dan musafir. (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya dari kalangan kamu" (QS. al-Hasyr: 7).

Jika mata wang yang merupakan nilai transaksi sebagai komoditi dengan cara yang salah maka moral manusia yang adalah nilai murni akan tergedai dan dipermainkan.

Suatu hari pada awal tahun 80an sebelum krisis kewangan Pasar Manakh, Suq al-Manakh melanda Kuwait dua spekulator bertaruh untuk menjatuhkan maruah seorang So'idi, Mesir kampung. Dalam adat mereka misai adalah lambang maruah seorang lelaki. Mereka saling bertaruh dan berani membayar dua ribu dinar (RM15) kepada So'idi berkenaan agar dia mencukur misainya dan mereka berjaya.

Jadi, jika spekulator mempermainkan nilai murni sudah tentu muruah boleh dibeli jika orang yang menjadi objek lemah iman dan pendirian. Tetapi, akan juga sebaliknya jika orang berkenaan kuat iman dan pendirian dan yang akan merugikan, tentunya spekulator terbabit!

(END)